



# JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

## PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU TEKNIK

### UKUR BAHAN

KOD : B040

SUBJEK : AMALAN & ATURCARA  
JABATAN

TARIKH : 2 NOVEMBER 1998

MASA : 9.00 - 12.00 TGH

DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN  
SEHINGGA DIARAHKAN

## ARAHAN KEPADA CALON:

1. Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada tiap-tiap helai kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-sekali menulis nama anda pada kertas jawapan. Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.
2. Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.
3. **Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja.** Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikekalkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.
4. Jawab secukup soalan sahaja mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.
5. Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.
6. Calon-calon digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan mereka di mana sesuai.
7. **Calon-calon dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.**
8. Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas soalan.
9. **Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calon adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.**
10. Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.
11. **Calon-calon dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.**
12. Calon-calon tidak dibenarkan keluar dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit dari mulanya peperiksaan.
13. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calon yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang munasabah.
14. **Calon-calon yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.**
15. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.

PERKARA : B040 - AMALAN & ATURCARA JABATANARAHAN KEPADA CALON

1. *Kertas ini mengandungi sebanyak lapan (8) soalan.  
Jawab Soalan 1 (wajib) dan mana-mana lima (5) soalan lain.*
2. *Tidak dibenarkan merujuk kepada Borang Kontrak Siri JKR 203 atau sebarang bahan rujukan lain.*
3. *Penggunaan mesin kira adalah dibenarkan.*

SOALAN 1 (WAJIB)

Satu kontrak berpakej sedang dilaksanakan oleh Syarikat Abu Labi Sdn. Bhd. dengan butir-butirnya seperti berikut:

i.	Nama Projek	:	Membina dan menyiapkan hospital, Sg. Baru, Kuala Selangor.
ii.	Harga Kontrak	:	RM 6,349,500.00
iii.	Butir-butir Kontrak:		
	Kerja Awalan	:	RM 99,500.00
	Kerja Bangunan	:	RM 2,500,000.00
	Kerja Luar Bangunan	:	RM 1,130,000.00
	Kerja Elektrik	:	RM 1,045,000.00
	Kerja Mekanikal	:	RM 1,500,000.00
	Wang Peruntukan Sementara	:	RM 75,000.00
			-----
			RM 6,349,500.00
			=====
iv.	Tempoh Kontrak	:	60 minggu
v.	Tarikh mula kerja	:	1.1.1998
vi.	Tempoh liabiliti kecacatan	:	12 bulan

Soalan 1 (Wajib) - sambungan

- a) i. Apakah yang dimaksudkan dengan Wang Jaminan Pelaksanaan?  
ii. Berapakah nilai Wang Jaminan Pelaksanaan?  
iii. Berapakah nilai Bayaran Pendahuluan yang layak dipohon oleh Kontraktor?  
iv. Nyatakan nilai polisi insuran liabiliti awam, insuran kerja dan insuran pampasan pekerja dan nyatakan tarikh tamatnya polisi-polisi ini.  
v. Berapakah jumlah minimum untuk bayaran interim pertama dan bayaran interim seterusnya?

(10 markah)

- b) Bayaran interim boleh dibayar kepada kontraktor selepas surat setuju terima dikeluarkan walaupun kontrak masih belum ditandatangan berdasarkan beberapa syarat. Apakah syarat-syarat tersebut?

(4 markah)

- c) Kirakan Jumlah Wang Pendahuluan yang perlu dibayar balik di dalam Sijil Bayaran Interim (JKR 66) sekiranya jumlah kerja yang dilaksanakan termasuk 75% nilai bahan di tapak bagi bulan berkenaan adalah RM 1,500,000.00.

(8 markah)

- d) Nyatakan syarat-syarat tambahan kepada kontrak (*special provision to condition of contract*) yang kebiasaannya terdapat di dalam kontrak tempatan.

(3 markah)

SOALAN 2

- a) Senaraikan dokumen-dokumen yang terdapat di dalam dokumen meja tender bagi tender yang berdasarkan senarai kuantiti.

(9 markah)

- b) Terangkan **tiga** (3) kebaikan yang terdapat pada tender yang dipanggil secara senarai kuantiti dan nyatakan keadaan di mana tender secara senarai kuantiti diguna pakai.

(6 markah)

SOALAN 3

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan Kontraktor Bumiputera?  
*(9 markah)*
- b) Nyatakan perkara-perkara yang terdapat di dalam sesuatu Notis Tender.  
*(4 markah)*
- c) Berapakah bayaran minimum untuk dokumen tender dan berapakah tempoh minimum untuk menender?  
*(2 markah)*

SOALAN 4

Berdasarkan maklumat-maklumat yang diberi, nyatakan tempoh siap inginan untuk projek bangunan yang akan ditender seperti berikut:- (Tunjukkan cara-cara pengiraan).

Projek Maktab Latihan Polis, Labuan meliputi pembinaan 6 blok bangunan iaitu:

- 2 blok 2 tingkat bangunan blok utama I & II
- 1 blok 1 tingkat bangunan pentadbiran
- 2 blok 1 tingkat bangunan asrama
- 1 blok 1 tingkat dewan makan.

Anggaran kuantiti kerja tanah = 15,000m<sup>3</sup>

Jumlah titik tumpu cerucuk dianggarkan 350 bilangan pada 18m dalam.

*(15 markah)*

SOALAN 5

- a) Berapakah had nilai bagi perolehan kerja yang dilaksanakan secara undi/pusingan atau sebutuharga?  
*(2 markah)*
- b) Bagaimanakah tatacara perolehan untuk kerja yang bernilai tidak melebihi RM20,000.00 boleh dibuat?  
*(2 markah)*

**Soalan 5 (sambungan)**

- c) Nyatakan tempoh Tanggung Kecacatan bagi kerja yang bernilai di antara RM10,000.00 sehingga RM100,000.00.

(2 markah)

- d) Sebutkan syarat-syarat yang perlu bagi sebutharga yang bernilai RM65,000.00.

(9 markah)

**SOALAN 6**

- a) Senaraikan perubahan kerja yang dikecualikan daripada kelulusan berdasarkan A.P (202)e.

(4 markah)

- b) Nyatakan pegawai yang diberi kuasa untuk mengambil tindakan ke atas fasal-fasal berikut berdasarkan Syarat-syarat Kontrak 203A bagi kontrak bernilai Rm7.60 juta.

Fasal 40	-	Ganti rugi kerana tak siap
43	-	Kelambatan dan lanjutan masa
51	-	Penamatian Pengambilan Kerja Kontraktor
52	-	Kesan perang atau gempa bumi
54	-	Timbang tara.

(5 markah)

- c) Apakah perbezaan di antara Wang Kos Prima, Wang Peruntukan Sementara dan Kuantiti Sementara?

(6 markah)

SOALAN 7

Kemajuan kerja untuk projek Maktab Kesihatan Bukit Jalil didapati lewat daripada jadual. Oleh itu pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan untuk lanjutan masa atas sebab-sebab berikut:

- i. Kesukaran mendapatkan pinjaman daripada bank disebabkan kegawatan ekonomi
  - ii. Pemanahan kuantiti kerja cerucuk
  - iii. Kelewatan pengesahan lokasi loji air kumbahan
  - iv. Masalah kegawatan air
  - v. Pembekal tidak dapat membekalkan bahan
  - vi. Pekerja-pekerja terpaksa pulang ke kampung disebabkan musim perayaan.
- a) Adakah sebab-sebab di atas layak dipertimbangkan? Nyatakan rujukan fasal-fasal yang berkaitan sekiranya perlu.  
*(6 markah)*
- b) Huraikan tindakan-tindakan yang perlu diambil selepas penamatan pengambilan kerja kontraktor.  
*(9 markah)*

SOALAN 8

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan '*percentage adjustment*'?  
*(5 markah)*
- b) Berdasarkan maklumat-maklumat yang diberi, kirakan kadar harga untuk kerja mengadakan "panel melihat" saiz 700mm x 1000mm pada pintu kayu termasuk kerja pemasangan kaca, jenang dan kumai.

Kadar Harga Dalam Kontrak

- |     |  |   |                         |
|-----|--|---|-------------------------|
| i.  | Bekal dan pasang 6mm kaca jernih<br>(BQ1/53/a) | - | RM 37.44/m <sup>2</sup> |
| ii. | Bekal dan pasang kumai nyatoh<br>(BQ1/25/c)    | - | RM 1.41/m               |

Soalan 8 (sambungan)

- iii. Upah buruh : Mandur = RM 60.00/sehari  
Joiner = RM 75.00/sehari  
Buruh Am = RM 33.00/sehari  
Tukang besi = RM 60.00/sehari
- iv. Harga kontrak berdasarkan '*percentage adjustment*' dengan nilai = - 0.7934%

Kerja ini dapat dilaksanakan oleh seorang mandur, seorang joiner dan seorang buruh am pada kadar 16 'panel melihat' sehari.

(10 markah)

\*\*\*\*\*